

---

# Pelajaran 4: Perancangan Pelayanan dan Aktiviti

*Anda mungkin mengajar pelajaran ini secara seluruh atau membahagikannya kepada segmen-segmen kecil. Sesuaikan pelajaran berdasarkan situasi tempatan dan keperluan, umur, dan tahap pemahaman kuorum atau presidensi kelas anda.*

## PELAYANAN DAN AKTIVITI BOLEH MEMBANTU KITA MENGIKUT JURUSELAMAT

Pada masa remaja-Nya, Yesus Kristus “bertambah besar dan bijaksana, dan Dia menyenangkan hati Tuhan mahupun manusia” ([Lukas 2.52](#)). Minta ahli-ahli presidensi kuorum dan kelas untuk bincangkan mengapa pelayanan dan aktiviti penting. Bagaimanakah mereka membantu kita menjadi lebih seperti Juruselamat?

## KITA BOLEH MELAKSANAKAN KERJA TUHAN MELALUI PERANCANGAN YANG BERMAKNA.

Jemput ahli-ahli presidensi untuk kaji semula asas-asas yang tersenarai di [Garis Panduan Pelayanan dan Aktiviti untuk Remaja](#) Minta mereka gunakan [Perancang Pelayanan dan Aktiviti](#) untuk membantu mereka membuat satu senarai idea-idea pelayanan dan aktiviti yang berdasarkan asas-asas tersebut. Minta mereka rancang salah satu aktiviti tersebut dengan lebih terperinci dengan menggunakan [Rancangan Pelayanan dan Aktiviti Terperinci](#). Di mesyuarat presidensi yang akan datang, minta mereka untuk menilai aktiviti yang telah diadakan dan kejayaannya, menurut asas-asas dalam [Garis Panduan Pelayanan dan Aktiviti untuk Remaja](#)

## SUMBER-SUMBER SOKONGAN

- Idea-idea pelayanan dan aktiviti di [ChildrenandYouth.ChurchofJesusChrist.org](http://ChildrenandYouth.ChurchofJesusChrist.org).